



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**2 Notis Amaran dan 1 Kompaun dikeluarkan
semasa operasi sepadu bulanan JPES dan Unit SDT di Daerah Belait**

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan pemeriksaan bersepadu ke atas beberapa premis perniagaan di kawasan perniagaan Pekan Seria, Daerah Belait pada 28 Mac 2026.
2. Pelaksanaan pemeriksaan bersepadu secara bulanan di antara JPES dan Unit SDT bertujuan bagi memastikan kepatuhan para peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151.
3. Semasa operasi bersepadu tersebut, dua buah premis perniagaan telah didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Syarikat Nazmul Sdn Bhd dikeluarkan satu kompaun berjumlah B\$500.00 kerana tidak memaparkan tanda harga pada beberapa barangan yang dijual di premis perniagaan. Sebanyak dua Notis Amaran juga telah dikeluarkan kepada sebuah premis perniagaan kerana menjual barangan yang dikawal harga iaitu susu tepung formula melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran.
4. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak empat belas unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perniagaan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan, Ceraian 3 (1) dan (2).
5. Para pembeli dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan bagi aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isipadu, ukur panjang dan lebar mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT.

6. Dalam kesempatan ini, JPES dan Unit SDT menyarankan orang ramai untuk menyalurkan aduan rasmi serta dokumen sokongan jika mendapati mana-mana peniaga yang melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151. Aduan atau sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran seperti berikut:
- a) Bagi Akta Kawalan Harga, Penggal 142: Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan
 - b) Bagi Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151: Unit SDT melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn atau talian 238 3142.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (13)JPES/CAD/AKTA/Pt.13

Tarikh : 10 Syawal 1447 / 30 Mac 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**2 Warning Notices and 1 Compound were issued
during JPES and SDT monthly joint operation in Belait District**

1. The Department of Economic Planning and Statistics (JPES) through the Department of Consumer Affairs together with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under the Ministry of Finance and Economy conducted a joint operation on business premises in Pekan Seria, Belait District on 28 March 2026.
2. The monthly joint operation by JPES and SDT is aimed at ensuring business adhere to the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations as well as the Weights and Measures Act, Chapter 151.
3. During the joint operation, two business premises were found to have committed offences under the Price Control Act, Chapter 142. Syarikat Nazmul Sdn Bhd was issued a compound of B\$500.00 for failing to display prices on several goods sold at the premises. In addition, a total of two Warning Notices were issued to a business premise for selling price controlled goods, namely formulated powdered milk, above the maximum price and for displaying prices inconsistent with those in the counter payment system.
4. Meanwhile, SDT officers found fourteen units of weighing machines used for trading purposes. All weighing machine are verified, accurate and registered in accordance with the Weights and Measures Act, Chapter 151 dan Weights and Measures (Verification) Regulations, Chapter 3 (1) and (2).
5. Consumers are advised to ensure weighing and measuring machines used in trading activities involving weight, volume and length bear a valid registration label issued by the SDT.
6. JPES and SDT encourage the public to lodge official complaints, together with relevant supporting documents, should they encounter any businesses that contravene the Price Control Act, Chapter 142, and the Weights and Measures Act, Chapter 151. Complaints or any further inquiries may be directed through the following channels:

- a) For matters related to the Price Control Act, Chapter 142: Department of Consumer Affairs, JPES via Talian Darussalam 123 or email consumercomplaint@jpes.gov.bn; and
- b) For matters related to the Weights and Measures Act, Chapter 151: SDT via email sdt@mofe.gov.bn or contact at 238 3142.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (13)JPES/CAD/AKTA/Pt.13
Date : 10 Syawal 1447 / 30 March 2026